| Headline | Sebati dengan alam sekitar | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Mingguan Malaysia | | |
| Date | 23 Dec 2012 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 459,793 |
| Page No | 10 | Readership | 1,854,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 712 cm² |
| Journalist | hafizahril hamid | AdValue | RM 15,950 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 47,850 |



Oleh HAFIZAHRIL HAMID

# Sebati dengan alam sekitar

BAGI kebanyakan orang apabila sudah bersara masa lebih banyak dihabiskan bersama anak cucu selain mungkin terlibat dalam perniagaan ataupun berbudi kepada tanah.

Namun bagi Tan Sri Salleh Mohammad Nor yang juga bekas Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pertama, usia bukan penghalang untuk mencapai cita-cita.

Masakan tidak pada usia 72 tahun beliau baru sahaja pulang dari Gunung Everest, gunung tertinggi di dunia.

Walaupun menamatkan pendakian hanya di Everest Base Camp, namun bagi lelaki seusianya sudah tentu ia memerlukan semangat dan keazaman yang tinggi untuk menamatkan pendakian.

"Namun itulah pendakian saya yang terakhir ke Gunung Everest walaupun saya ditawarkan pergi selepas ini saya tidak akan lakukan," kata Salleh yang menyatakan faktor usia sebagai penghalang.

Bagaimanapun ternyata usaha beliau ini adalah sesuatu yang berbaloi untuk dilakukan memandangkan beliau yang juga Pro Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah diiktiraf sebagai warganegara Malaysia paling paling tua pernah menjejakkan kaki ke Everest Base Camp.

Pencapaian yang terlaksana pada 12 November lalu yang turut disertai dua kakitangan UTM dan lima mahasiswa berjaya tiba di Everest Base Camp yang berketinggian 5,365 meter dari aras laut sekitar jam 10.50 pagi waktu Nepal.

Kejayaan ini dicapai setelah mereka memulakan perjalanan selama lapan hari yang penuh dengan cabaran dan dugaan sepanjang berada di kaki gunung tertinggi di dunia itu.

Ujarnya, sebelum ke sana, beliau menghabiskan masa di gimnasium selain berenang tiga kali seminggu bagi mendapatkan kecergasan.

Salleh berkata, pengalaman di Everest Base Camp akan dikongsi dalam bukunya yang akan diterbit kemudian.

"Antara cerita menarik yang akan dicoretkan adalah saat-saat sukar pada hari terakhir apabila jari jemari saya menjadi beku, manakala kaki pula kesejukan.

"Pengalaman ini amat mencabar dan ia tidak sama seperti ekspedisi saya ke Antartika bersama Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin," katanya.

Ujar beliau lagi yang telah tiga kali ke Antartika sejak dari tahun 1980-an lagi, Salleh yang juga Pengerusi Program Penyelidikan Malaysia Antartika, Akademi Sains Malaysia (ASM), pengalaman berada di Antartika sangat berguna untuk kajian sains seperti pemuliharaan biji benih.

Beliau telah mengiringi Tuanku Mizan Zainal Abidin sewaktu baginda menjawat jawatan Yang di-Pertuan Agong membuat lawatan kerja ke benua Antartika pada November 2011.

Selain itu katanya, walaupun kita sedia maklum bahawa Antartika tidak memiliki sebarang hutan, namun kajian berkaitan aspek asas boleh dilakukan di sana.

"Beberapa saintis daripada luar negara berjaya mengesan fosil tumbuhan (yang diterbangkan angin) berusia ribuan tahun terpelihara dengan baik di bawah lapisan ais di Antartika.



SALLEH memerhatikan Tuanku Mizan Zainal Abidin merakam gambar di salah sebuah pusat penyelidikan di Antartika .

## Pencemaran

"Penemuan ini sesuatu yang menakjubkan kerana Antartika merupakan antara kawasan dunia yang terpelihara kebersihannya.

"Oleh itu, kajian dan penyelidikan berkaitan dengan perbezaan keadaan seperti antara kawasan panas dan sejuk dapat dilakukan di sana tanpa ada sebarang gangguan pencemaran," kata Salleh.

Ternyata berbicara mengenai perkara berkaitan alam sekitar dan sains begitu menarik minat beliau walaupun telah bersara dari perkhidmatan awam hampir 17 tahun lalu.

Namun hakikatnya alam sekitar dan dirinya ternyata sudah sebati sejak kecil lagi. Keluar masuk hutan dan mengenali spesis flora dan fauna adalah mainannya ketika di kampung.

Minatnya ini diteruskan apabila beliau bekerja di FRIM dan boleh dikatakan hampir semua gunung di Malaysia ini sudah ditawan demi tujuan kajian dan minat.

Namun pengalaman yang paling tidak boleh dilupakan adalah apabila beliau 'dikacau' oleh Puteri Gunung Ledang ketika mendaki gunung tersebut satu ketika dahulu.

"Akibat mahu sampai ke puncak lebih awal yang mungkin dilihat agak 'celupar', walaupun sudah tidak jauh dari puncak, tiba-tiba badan saya menjadi lemah dan kurang bermaya.

"Rakan-rakan yang saya tinggalkan seorang demi seorang memotong saya mengakibatkan saya tertinggal di belakang. Syukurlah kawan-kawan saya turun semula mengambil saya sebelum dipapah ke puncak.

"Kemudian apabila saya berjumpa seorang dukun tempatan, dia menyatakan saya telah dikacau oleh orang itu. Bila saya tanya, dia menyatakan orang itu adalah Puteri Gunung Ledang. Memang agak mengejutkan namun saya bersyukur segalanya selamat dan menjadi pengajaran besar untuk saya supaya lebih berhati-hati dalam percakapan," kata Salleh.

Lelaki kelahiran Kampung Ulu Dengkil, Kuala Pilah Negeri Sembilan menceburi bidang perhutanan selepas menamatkan pengajian ijazah di Universiti Adelaide, Australia dalam bidang perhutanan atas tajaan Biasiswa Colombo Plan.

Selain itu beliau turut menamatkan pengajian sarjana dan Phd di Universiti Michigan State, Amerika Syarikat juga dalam bidang berkaitan perhutanan.

Salleh juga bertanggung jawab sehingga tertubuhnya Lembaga Pembangunan Penyelidikan Perhutanan Malaysia di Kepong sebelum ia diperbadankan sebagai Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada 1985.

Bekas penuntut Sekolah Tengku Muhammad di Kuala Pilah sebelum melanjutkan pelajaran di Maktab Tentera Persekutuan (kini dikenali sebagai Maktab Tentera Darat) telah dilantik sebagai Ketua Pengarah FRIM yang pertama sehingga bersara pada 1995.

Kini pada usia 72 tahun ternyata beliau masih sihat dan cergas terutama dalam bidang-bidang berkaitan pendidikan dan alam sekitar.

Dalam pertemuan yang berlangsung baru-baru ini, satu lagi karakter dirinya yang menjadikan dirinya berbeza adalah kesederhanaan dalam dirinya. Selesa berbaju kemeja malah hanya berselipar ketika ditemui menunjukkan sikapnya yang begitu merendah diri selain mudah mesra dalam berkongsi pengalaman dan pengetahuan.

Namun satu perkara yang begitu menjadi keazaman bagi bapa kepada tiga anak dan enam cucu ini adalah sifatnya yang jelas begitu membenci rasuah.

"Saya tidak berkompromi dalam hal rasuah. Saya pernah ditawarkan pelbagai bentuk rasuah sepanjang berkhidmat dalam kerajaan namun saya begitu membencinya.

"Pernah saya menghalau seorang lelaki yang menghulurkan sampul berisi wang selepas saya meluluskan dokumennya. Dia mengatakan sedikit habuan untuk diri saya namun dia berurusan dengan silap orang kerana bagi saya rasuah adalah punca kepada segala masalah di dunia ini," kata Salleh di penghujung pertemuan.



BERSAMA kakitangan dan pelajar UTM ketika di Everest Base Camp.

Powered by: MediaBanc Be informed